



■ **PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (bersongkok)** menerima cenderamata dari Nalb Canselor UKM, Prof. Datuk Dr. Awang Had Salleh selepas melancarkan Projek Perinatal pertama di negara ini di Kuala Lumpur, semalam.

Turut memerhatikan ialah Dekan Fakulti Perubatan UKM, Prof. Datuk Dr. Haji Abdul Hamid Abdul Rahman (kiri). — Gambar Berita Harian.

Kadar kematian bayi tak cukup bulan perlu perhatian — PM

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini melancarkan Projek Perinatal dengan harapan merintis jalan ke arah penubuhan Pusat Perinatal pertama di negara ini.

Serentak itu, Perdana Menteri menggesa perancang dan pakar kesihatan memberi perhatian lebih serius mengurangkan kadar kematian bayi yang tidak cukup bulan.

"Meskipun kadar kematian bayi berkurangan 60 peratus sejak 1965, tapi kadar kematian bayi yang tidak cukup bulan berkurangan hanya 29 peratus," katanya lagi.

Bayi yang tidak cukup bulan, dilahirkan selepas tujuh bulan dalam kandungan, mati dalam tempoh seminggu selepas lahir.

Datuk Seri Dr.

Mahathir berkata demikian ketika merasmikan persidangan mengenai 'Perspektif Dalam Perubatan Perinatal' anjuran Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, di sini.

Turut hadir, Datin Seri Dr. Siti Hasmah, Menteri Tak Berpotfolio di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamad Nasir dan Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk K. Pathmanaban.

Kerjasama

Bagi memastikan Projek Perinatal berjaya, beliau berkata, Kementerian Kesihatan dan Lembaga Perancang Keluarga Negara perlu turut sama memberikan sumbangan.

"Projek ini perlu mengesyorkan langkah-langkah tertentu memperbaiki bidang perubatan perinatal di masa depan di samping mengkaji kemajuan yang agak

lembab dalam prestasi bidang itu sekarang," ujar beliau.

Katanya, penjagaan asas ibu-ibu sebelum mengandung perlu diberi perhatian bagi memastikan kesihatan bayi-bayi yang bakal lahir.

"Ini akan memperbaiki nilai hidup masyarakat akan datang, sambil membantu mengurangkan kadar kematian, dan memanjangkan hayat hidup," tambahnya.

Menurut Perdana Menteri, pencapaian perubatan perinatal kini dianggap penting dalam peringkat perkembangan manusia kerana apa yang berlaku di peringkat ini, antara kandungan tujuh bulan hingga empat minggu selepas dilahirkan boleh menentukan taraf hidup bayi di masa depan.

"Kesilapan dalam tempoh perinatal bukan sahaja boleh mengakibatkan kematian semasa lahir, tapi bayi itu juga boleh mengidap penyakit otak dan fisikal," jelasnya.

Sementara itu, Nalb Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Datuk Dr. Awang Had Salleh berkata, Fakulti Perubatan UKM mengalu-alukan kerjasama Kementerian Kesihatan supaya objektif Projek Perinatal itu berjaya.

Di samping itu, katanya, kerjasama Lembaga Perancang Keluarga Negara dan Peratusan Obstetrik dan Gynaekologi Malaysia juga di perlukan.

"Bakal-bakal graduan perubatan UKM sendiri akan dilengkapkan dengan pengetahuan sewajarnya dalam bidang ini supaya perkhidmatan perinatal yang lebih baik dapat dicapai," tambanya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia